

Ruj. : AKKM: 2/5/24 Jld.1(11)

Tarikh : 13 Februari 2024

Pengerusi Koperasi Anggota ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah)

Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah)

Perwakilan Negeri Ke MAPA 2024

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN) PAHANG II (TENGAH) TAHUN 2024

Dengan hormatnya surat kami, AKKM:2/5/24 Jld.1 (9) bertarikh 28 Disember 2023 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024) Pahang II (Tengah) akan diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh : 28 Februari 2024 (Rabu)
Masa : 9:00 pagi
Tempat : Dewan Tun Razak Temerloh
No. 75, Jalan Ahmad Shah 1
Pusat Komersil Temerloh
28000 Temerloh, Pahang
Kaedah : Secara Hibrid (Fizikal atau Dalam Talian)

3. Sehubungan dengan itu, perwakilan dikehendaki mendaftar sehari sebelum Mesyuarat Agung Negeri secara dalam talian pada **27 Februari 2024 (Selasa) bermula dari jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang** dengan menggunakan pautan <https://www.sola.my/man> dan kata laluan untuk menyertai Mesyuarat Agung Negeri akan diperoleh sebaik selesainya pendaftaran. **Perwakilan diingatkan menghadiri Mesyuarat Agung Negeri secara fizikal atau secara dalam talian sepertimana yang telah dinyatakan dalam Borang 1A dan sebarang perubahan kehadiran tidak dibenarkan.**

4. Perwakilan **hendaklah** menggunakan pautan yang sama bagi tujuan mengundi dengan memasukkan **Kata Laluan** yang akan diberi 30 minit sebelum proses pengundian dijalankan. Perwakilan diingatkan menggunakan nombor telefon bimbit yang didaftarkan dalam **Borang 1A**.

5. Bersama-sama surat ini disertakan lampiran berikut untuk rujukan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan iaitu:

- Atur Cara Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024) - **LAMPIRAN 1**
- Agenda Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024) - **LAMPIRAN 2**
- Pautan Buku Laporan Tahunan Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024) - **LAMPIRAN 3**

6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Mohd Farid Muzamil, Pengurus ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah) di talian 09-296 5524 / 5525 / 5527 dan email: jpn_pahang2@angkasa.coop atau En. Mohd. Hishamizan Yahya (03-7454 8255) / En. Azman Ahamad (03-7884 6453) / Pn. Irwani Abd. Malik (03-7800 7884) di Bahagian Sekretariat, Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran atau email: mesyuaratagung.angkasa@gmail.com.



7. Sekiranya YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan ingin mengemukakan pertanyaan untuk mendaftar, sila hubungi meja bantuan (*helpdesk*) di talian 03-7454 8223 / 8224 / 8225 / 8226 / 8227 / 8228.

Segala kerjasama dan sokongan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



HAJI HASNAN HAJI MUSTAPHA
Setiausaha Eksekutif

s.k. : Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

: Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pahang



**ATUR CARA
MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN 2024) PAHANG II (TENGAH)**

ATUR CARA

PENDAFTARAN MAN 2024

Tarikh : 27 Februari 2024 (Selasa)

8.00 pagi - 3.00 petang : Pendaftaran Perwakilan
Semua Perwakilan yang hadir fizikal dan dalam talian (*online*)

MAJLIS PERASMIAN DAN MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN 2024)

Tarikh : 28 Februari 2024 (Rabu)

7:30 pagi - 9:00 pagi : Pengesahan Kehadiran Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024)
Semua Perwakilan yang hadir fizikal dan dalam talian (*online*)

9:00 pagi - 10:00 pagi : Bacaan Ayat Suci Al-Quran
: Bacaan Doa
: Ucapan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN)
: Ucapan Perasmian Presiden ANGKASA
: Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

10:00 pagi : **MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN 2024) BERMULA**

1:30 tengah hari : Penangguhan Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024)
: Makan Tengah Hari / Solat / Rehat
: Bersurai



AGENDA
MESYUARAT AGUNG NEGERI (MAN 2024)

1. Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN) memulakan mesyuarat dan melantik Pencatat Minit
2. Membentangkan Minit Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2023) yang terakhir
3. Memilih:
 - i. Seorang Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri
 - ii. Sebelas (11) Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri
 - iii. Dua Orang Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-38 (MAPA 2024)
4. Membentangkan dan Menerima Laporan Aktiviti Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Berakhir 31 Disember 2023
5. Membentangkan Draf Akaun ANGKASA Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023 serta Membentangkan Pindaan dan Anggaran Belanjawan Tahunan ANGKASA yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-38 (MAPA 2024);
 - 5.1 Pindaan dan Anggaran Belanjawan Tahunan ANGKASA;
 - i. Pindaan Anggaran Belanjawan Tahunan ANGKASA bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024
 - ii. Anggaran Belanjawan Tahunan ANGKASA bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
 - 5.2 Pindaan Anggaran Belanjawan Modal Aset Tahunan ANGKASA;
 - i. Pindaan Anggaran Belanjawan Modal Aset Tahunan ANGKASA bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024
 - ii. Anggaran Belanjawan Modal Aset Tahunan ANGKASA bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
6. Membincang dan Memutuskan Usul Negeri ke Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-38 (MAPA 2024) dan Usul Konvensyen untuk dibawa ke Kongres Koperasi Kebangsaan
 - 6.1 Usul Negeri ke Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-38 (MAPA 2024)
 - 6.2 Usul Konvensyen untuk di bawa ke Kongres Koperasi Kebangsaan



**SILA MUAT TURUN
BUKU MESYUARAT AGUNG NEGERI
(MAN 2024)**

1. Buku Laporan Tahunan 2023
2. Senarai Pencalonan Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024)

MENGGUNAKAN PAUTAN DI BAWAH:

https://mesyuaratagung.angkasa.coop/akses_pahang_ii_tengah/